

DRAF TEKS UCAPAN TUAN YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA PERHIMPUNAN KORPORAT

2 APRIL 2014 (RABU), JAM 8:30 PAGI

DI RUANG LOBI IBU PEJABAT MPSP, BANDAR PERDA

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, syukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapatlah kita berkumpul pada hari ini bagi Perhimpunan Korporat yang pertama untuk tahun 2014.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Mengambil kesempatan pada Perhimpunan Korporat yang pertama bagi tahun ini, saya ingin memperkenalkan tiga orang Ahli Majlis yang baru iaitu Tuan Hj Omar bin Hassan, Encik Rajasegar a/l Govindasamy dan Encik Zulkifli bin Ibrahim.

Sebelum meneruskan lagi perhimpunan kita pada hari ini, tidak terlewat kiranya untuk saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada warga kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 pada 18 Mac 2014 yang lalu. Penghargaan diberikan kerana mereka telah menunjukkan prestasi dan juga berkhidmat dengan cemerlang pada tahun 2013. Selain itu, mereka juga telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang dihasratkan oleh ketua jabatan dan bahagian masing-masing. Semoga semua penerima anugerah ini dan juga warga kerja

yang lain yang dikasihinya sekalian akan terus komited dan terus meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi menaikkan lagi imej dan kredibiliti Majlis Perbandaran Seberang Perai, menyemarakkan lagi semangat semua warga Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk bekerja dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh lagi bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus yang baik mengikut dasar kualiti Majlis Perbandaran Seberang Perai. Semoga pencapaian ini menjadi batu loncatan dan juga pembakar semangat kepada seluruh warga kerja untuk mengharumkan lagi nama MPSP.

Pada tahun ini juga Laman MPSP juga telah mendapat penganugerahan 5 bintang daripada MDEC.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Visi MPSP yang baru telah dirangkakan bersama-sama dengan Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan adalah “Seberang Perai yang lebih bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan dan pelancongan menjelang 2018”.

Manakala Misi MPSP pula adalah “Menyediakan pengurusan perbandaran yang lebih selamat, lebih bersih, lebih hijau & lebih sihat yang responsif kepada komuniti Seberang Perai.”

MPSP juga telah merangka Pelan Strategik bagi tempoh lima tahun iaitu daripada tahun 2014 hingga tahun 2018. Dan 9 Fokus MPSP bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

FOKUS 1: KEBERSIHAN

FOKUS 2: KESELAMATAN & LALULINTAS

FOKUS 3: PENGUATKUASAAN UNDANG - UNDANG

FOKUS 4: KAWALAN BANJIR

FOKUS 5: PENGINDAHAN, KEHIJUAAN DAN KEMUDAHAN AWAM

FOKUS 6: PENGLIBATAN KOMUNITI

FOKUS 7: PEMBINAAN KAPASITI

FOKUS 8: PENGURUSAN FISKAL

FOKUS 9: KECEKAPAN PROSES KERJA

Semua warga MPSP hendaklah menjadikan 9 Fokus MPSP yang mempunyai 49 program dan 124 pelan tindakan ini sebagai agenda dalam mesyuarat sama ada di peringkat Jabatan / Bahagian / Unit dan Fokus MPSP 2014 yang disediakan

juga adalah berdasarkan kepada hasrat Kerajaan Negeri ke arah *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang* dan seterusnya mencapai urustadbir C.A.T (Cekap, Akauntabiliti dan Telus).

Cabaran Tahun 2014

Dengan bermulanya penggunaan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (Jambatan Kedua), pembangunan adalah semakin pesat terutamamnya di Seberang Perai Selatan.

Bagi tempoh Januari - Mac 2013, terdapat sebanyak 338 permohonan pembangunan telah dikemukakan. Dalam tempoh masa yang sama pada tahun 2014, terdapat sebanyak 384 permohonan pembangunan telah dikemukakan, dimana terdapat peningkatan sebanyak 46 permohonan yang diterima.

**Bilangan Permohonan dan Selesai mengikut Jenis Permohonan dan Tempoh Piagam di Majlis
Perbandaran Seberang Perai**
dari tarikh **01 JANUARY 2013 hingga 31 MARCH 2013 *****

Jenis Permohonan	Bil. Mohon	^ Permohonan Dalam Proses	Permohonan Selesai* (a) = b + c + d	Selesai* Dalam Piagam (b)	Selesai* Melebihi Piagam (c)	** Tempoh Tidak Dapat Ditentukan (d)
Permohonan Serentak	17	0 (0.00%)	<u>17 (100.00%)</u>	<u>14 (82.35%)</u>	<u>3 (17.65%)</u>	0 (0.00%)
Kebenaran Merancang	69	<u>1 (1.45%)</u>	<u>68 (98.55%)</u>	<u>48 (70.59%)</u>	<u>20 (29.41%)</u>	0 (0.00%)
Pelan Kejuruteraan	167	0 (0.00%)	<u>167 (100.00%)</u>	<u>166 (99.40%)</u>	<u>1 (0.60%)</u>	0 (0.00%)
Pelan Bangunan	85	0 (0.00%)	<u>85 (100.00%)</u>	<u>70 (82.35%)</u>	<u>15 (17.65%)</u>	0 (0.00%)
Jumlah	338	1 (0.30%)	337 (99.70%)	298 (88.43%)	39 (11.57%)	0 (0.00%)

**Bilangan Permohonan dan Selesai mengikut Jenis Permohonan dan Tempoh Piagam di Majlis
Perbandaran Seberang Perai**
dari tarikh **01 JANUARY 2014 hingga 31 MARCH 2014 *****

Jenis Permohonan	Bil. Mohon	^ Permohonan Dalam Proses	Permohonan Selesai* (a) = b + c + d	Selesai* Dalam Piagam (b)	Selesai* Melebihi Piagam (c)	** Tempoh Tidak Dapat Ditentukan (d)
Permohonan Serentak	16	<u>16 (100.00%)</u>	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Kebenaran Merancang	90	<u>79 (87.78%)</u>	<u>11 (12.22%)</u>	<u>11 (100.00%)</u>	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Pelan Kejuruteraan	175	<u>122 (69.71%)</u>	<u>53 (30.29%)</u>	<u>53 (100.00%)</u>	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Pelan Bangunan	103	<u>38 (36.89%)</u>	<u>65 (63.11%)</u>	<u>65 (100.00%)</u>	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Jumlah	384	255 (66.41%)	129 (33.59%)	129 (100.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)

Isu-isu pembangunan memerlukan perancangan yang teratur, pemantauan projek yang teliti dan pelaksanaan terhadap penyampaian perkhidmatan.

Batu Kawan juga akan dibangunkan sebagai eco-town. Dimana pelbagai projek pembangunan akan dijalankan disitu seperti IKEA, Taman Tema, Kolej KDU, Hospital dan *Wellness Center, Auto HUB dan Hull University* adalah diantara projek-projek yang akan dijalankan di Batu Kawan.

Disamping itu, Penang Central juga akan memulakan projek mereka pada bulan September 2014 yang akan menggerakkan pengangkutan di Seberang Perai ke satu tahap yang lebih maju.

Kesemua ini memerlukan anjakan paradigma minda untuk menerajui dan melaksanakannya, semua kakitangan MPSP memerlukan garis panduan dan polisi yang mantap.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada tahun 2014, dianggarkan perbelanjaan adalah berjumlah RM233.50 juta berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM206.09 juta. Ini bermakna pada tahun 2014 bajet defisit berjumlah RM27.41 juta.

Untuk makluman semua, hasil yang diperolehi pada tahun 2012 adalah sebanyak RM178.57 juta dan telah meningkatkan sebanyak RM21.23 juta pada tahun 2013 kepada RM199.80 juta. Ini adalah bersamaan dengan peningkatan sebanyak 11.89%. Pada tahun 2014, target hasil adalah ditingkatkan kepada RM 206 juta iaitu tambahan RM 7 juta.

Dalam usaha meningkatkan lagi pendapatan MPSP, ianya boleh diperolehi melalui bayaran cukai taksiran dan bayaran bukan cukai seperti lesen, permit, bayaran pemajuan, kompaun, denda dan lain-lain lagi. Ini kerana MPSP tidak akan meningkatkan kadar cukai pada tahun 2014.

Dari segi perbelanjaan, kita perlu mengurangkan perbelanjaan dan juga berbelanja secara berhemah. Kita perlu mengurangkan kos utiliti TNB kerana TNB telah meningkatkan tariff letrik yang baru pada tahun 2014 ini. Anggaran kenaikan bil eletrik harta MPSP bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM1,733,635.80.

Bagi pasar awam, kompleks makan, dewan, rumah pam, kompleks dan pos kastam serta pejabat cawangan dan bengkel, anggaran bil utiliti TNB pada tahun 2014 adalah berjumlah RM2,550,919.17. Manakala bagi Ibu Pejabat MPSP, Rumah Pam Prai A dan B adalah dianggarkan pada tahun 2014 berjumlah RM 1,675,260.90.

Sementara bagi lampu jalan, lampu isyarat dan lampu hiasan dianggarkan perbelanjaan utility TNB adalah berjumlah RM8,065,777.38 pada tahun 2014.

Bayangkan tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk bil eletrik sahaja MPSP terpaksa terpaksa menanggung RM12,291,957.45 berbanding tahun 2013 hanya RM10,558,321.65. Di sini kita dapat lihat kos kenaikan perbelanjaan utiliti TNB adalah bertambah sebanyak 16.4%.

Melalui pekeliling yang dikeluarkan Kerajaan, MPSP perlu mengadakan usaha pengurangan penggunaan utiliti seperti elektrik, air dan alat perhubungan hendaklah dilaksanakan melalui penyediaan dan penguatkuasaan peraturan dalaman. Amalan penjimatan hendaklah sentiasa dilaksanakan bagi mengurangkan perbelanjaan utiliti. Sebagai langkah permulaan, MPSP dikehendaki membuat penjimatan sebanyak 5% kos utiliti elektrik pada tahun 2014 ini. Disebabkan pertambahan oleh kos utiliti TNB ini, maka MPSP mensasarkan Pensijilan Energy Management System (EnMS) pada bulan Julai 2014 yang bertujuan untuk mengurangkan kos penyelenggaraan serta utilti dan juga Pensijilan Quality Environment (QE / 5S) pada bulan September 2014.

Selanjutnya permohonan baru pengubahsuai ruang pejabat perlu ditangguhkan buat sementara waktu. Pengurusan Acara, Saguhati, dan Cenderamata tidak lagi digalakkan dalam beberapa acara yang akan dilaksanakan. Pemberian saguhati dan cenderamata untuk penganjuran, persidangan atau Majlis Kerajaan yang membabitkan anggota pentadbiran dan penjawat awam juga perlu dikurangkan atau ditiadakan. Penggunaan kain pemidang seperti *bunting*, *banner* dan sebagai juga tidak digalakkan. MPSP hendaklah mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan / seminar / pameran / mesyuarat / kursus / bengkel / majlis rasmi Kerajaan dan sebagainya.

Pembersihan Bersepadu 100% MPSP

Pada tahun 2014, MPSP akan mengambilalih kerja-kerja pembersihan 100 % di Seberang Perai. Langkah-langkah untuk pembersihan bersepadu adalah dengan:

1. Pembelian Peralatan Baru :

KENDERAAN	SEDIADA	DALAM PROSES PEMBELIAN	JUMLAH
COMPACTOR	* 52	**26	78
OPEN TRUCK	13	-	13
LORI RORO	17	-	17
TIPPER	28	-	28
ROAD SWEEPER	3	-	3
WATER JETTING	3	-	3
JUMLAH	116	26	142

NOTA :

1. * Termasuk lori standby.
2. ** 5 unit akan diterima pada bulan Mei – Jun 2014. Baki akan diterima secara berperingkat pada Ogos – Dis 2014

2. Pengambilan Kakitangan Baru

JAWATAN	SEDIADA	KOSONG	JUMLAH
Pekerja Awam	1334	1135	2469
Pemandu	112	65	177

Pertengahan April 2014 - 300 orang Pekerja Awam akan melapor diri
- Majoriti akan ditempatkan di Daerah SPS bagi kerja – kerja KPA.

- Julai 2014 - 500 orang pekerja tambahan akan diambil
 - Kontraktor KPA dan PPS sediada yang berpretasi tidak
 memuaskan akan ditamat dan di ambil alih oleh MPSP.
Ogos - Disember 2014 - Baki 335 orang pekerja awam akan diambil secara berperingkat.
 - Baki kontraktor KPA, PPS, Pemotongan rumput akan di tamatkan
 secara berperingkat tertakluk kepada bekalan kenderaan.

3. Polisi Kerajaan Negeri yang dicadangkan akan dimulakan pada

1 Januari 2015 adalah :

- Pengasingan di Punca (Segregation at source)
- Penjana sampah perlu membayar (Waste Generator / Polluter Pays)

4. Bagi meningkatkan pembersihan dan kos menguruskan sisa pepejal dan kebersihan am, MPSP menganjurkan pertandingan Taman

Bersih dimana KPInya adalah 7 taman bersih mengikut parlimen.

5. MPSP telah mengenalpasti 118 lokasi sampah buangan haram di Seberang Perai untuk diambil tindakan selanjutnya.

6. Meningkatkan lagi program-program LA 21 yang membantu mengurangkan sisa pepejal sebanyak 5 %.

7. Jumlah sampah yang dilupuskan pada tahun 2013 adalah sebanyak 427,706.22 tan. Sasaran MPSP adalah untuk mengurangkan sebanyak 5 % daripada jumlah penjanaan sampah ini kepada hanya 406,320.91 tan pada tahun 2014.

Untuk makluman umum semua, peruntukan bajet untuk emolumen pada tahun 2014 adalah berjumlah RM77,930,539. Ini membawa maksud purata sebulan MPSP perlu membayar emolumen kepada staff adalah lebih kurang sebanyak RM 6.49 juta. Manakala peruntukan bajet yang disediakan untuk Pengurusan Sisa Pepejal adalah sebanyak RM 74 juta.

Saya telah berjumpa dengan kebanyakkan pekerja awam di SPU (anggaran 500 orang), SPT (anggaran 600 orang) dan SPS (anggaran 500) pada awal bulan Januari yang lalu untuk berkongsi hasrat MPSP.

Justeru, kebersihan amatlah penting sebagai salah satu penanda aras tahap penyampaian perkhdimatan MPSP sebagai PBT.

Pembangunan

Pada tahun 2014, MPSP akan menjalankan beberapa projek pembangunan. Projek-projek yang akan dijalankan adalah:

- Projek Parit

Bil	Nama Projek	Kos Projek
1.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Parit Konkrit Di Jalan Kuala Mengkuang, Taman Seri Mengkuang, SPT	363,000.00
2.	Projek Tebatan Banjir Dan Menaiktaraf Parit Di Sekitar Jalan Kampung Baru, Bukit Mertjam, SPT.	6,913,896.60
3.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Sri Nibong, Nibong Tebal	1,305,141.60
4.	Cadangan Pemasangan Pintu Air Di Parit Monsun Taman Bagan	400,000.00
5.	Cadangan Menaiktaraf Parit Konkrit Di Taman Kerjasama, SPT	451,000.00
6.	Cadangan Menaiktaraf Sistem Perparitan Dilengkok Tenggiri Seberang Jaya, SPT	1,090,000.00
7.	Cadangan Pembinaan Rumah Pam Dan Naiktaraf Parit Di Taman Seri Jaya Dan Taman Sungai Rambai, SPT	2,025,000.00
8.	Cadangan Kajian Mengatasi Banjir Di Taman Machang Bubok, SPT	250,000.00
9.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Banjir Kilat Di Taman Siakap, Seberang Jaya, SPT	2,347,250.00
10.	Cadangan Menaiktaraf Culvert Dan Kerja-Kerja Berkenaan Untuk Mengatasi Banjir Di Lebuh Seri Kijang, Taman Kijang, Bukit Mertajam, SPT	600,000.00
Jumlah		RM 15,745,288.20

- Projek Naiktaraf Pasar Awam

Bil	Nama Projek	Kos Projek
1.	Cadangan untuk mendirikan sebuah pasar awam satu tingkat di atas sebahagian lot 153, Perkampungan Juru, Mk.13,SPT	1,398,000.00
2.	Kerja-kerja naiktaraf pasar awam Kampung Baru di Lot 1681, Mk. 15, SPT dan Pasar Awam Jalan Berapit di lot 2292, MK 17, SPT	949,200.00
JUMLAH		RM 2,347,200.00

- Bandar Selamat- Pemasangan CCTV

Bil	Nama Projek	Kos Projek
1.	Membekal pemasangan CCTV di seluruh kawasan Seberang Perai secara sewaan	9,845,255.00
JUMLAH		RM 9,845,255.00

- Landskap

Bagi program CSR, MPSP pada tahun 2014 akan diteruskan. Untuk menghijaukan lagi dan menyelenggara kehijauan Seberang Perai serta menyelenggara pokok-pokok sedia ada, sebanyak RM 3.3 juta diperuntukan untuk Jabatan Landskap.

Sebanyak 12 projek CSR yang telah siap adalah seperti :

BIL	LOKASI	STATUS
1.	Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, SPU	<p>Penaja – MMC Gamuda Joint Venture Projek telah siap pada Disember 2011 dengan kos RM607,000. Dirasmikan oleh YAB KM pada 9 Januari 2012.</p> <p><i>Penyelenggaraan oleh MPSP bermula 10 Januari 2012.</i></p>
2.	Bulatan Bandar Perda, SPT	<p>Penaja – Aseania Dev. Sdn. Bhd. Aseania Dev. Sdn Bhd telah tanam pokok bagi mengindahkan kawasan tersebut. Siap pada Mac 2012 dengan kos RM10,000.00.</p> <p><i>Penyelenggaraan oleh MPSP bermula 5 November 2012.</i></p>
3.	Taman Linear, SPT - Taman Tunku, SeberangJaya	<p>Penaja – SPEAD Kerja-kerja naiktaraf dengan trek jogging 900m, gazebo, lampu 7 unit, baiki jambatan dan tanam pokok. Kos RM470,000. Pecah tanah pada 17 Mac 2012 oleh YB Chow. Dirasmikan oleh YAB KM pada 29 Julai 2012.</p>
4.	Jalan Baru Perai, SPT (berhadapan Pearl View Hotel)	<p>Penaja – Pearl View Hotel Pemasangan lampu hiasan jenis LED telah siap dipasang di pokok-pokok sediada berhadapan Hotel Pearl View Jalan Baru, Perai, SPT. Kos RM30,000.00 mula Ogos 2012 hingga 2017</p> <p><i>Penyelenggaraan lampu hiasan adalah oleh penaja bermula 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2017.</i></p>

BIL	LOKASI	STATUS
5.	Bandar Sunway, Seberang Jaya, SPT	<p>Penaja – Sunway City (Penang) Sdn. Bhd.</p> <p>Cadangan pemasangan 24 bil tong sampah jenis kayu telah siap dipasang di sekitar Bandar Sunway. Kos RM45,000.00 Mula Ogos 2012 hingga 2017.</p> <p><i>Penyelenggaraan tong sampah oleh penaja bermula 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2017.</i></p>
6.	Hadapan Kilang Teleplan Technology Services Sdn. Bhd.	<p>Penaja - Teleplan Technology Services Sdn. Bhd.</p> <p>Cadangan pengindahan di hadapan Kilang Teleplan Technology Services Sdn. Bhd dengan kos RM24,000.00.</p> <p><i>Penyelenggaraan oleh penaja bermula 15 Disember 2012 hingga 14 Disember 2017.</i></p>
7.	Jalan Permai Kampung Sanglang, SPS	<p>Penaja – Lim Su Kuang</p> <p>Cadangan pemasangan lampu hiasan di pokok-pokok sediada di sebahagian Jalan Permai, Kampung Sanglang, SPS dengan kos RM5,000.00.</p> <p><i>Penyelenggaraan oleh penaja bermula 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2017.</i></p>
8.	Kawasan Lapang Taman Alma Indah, SPT	<p>Penaja – Persatuan Penduduk Taman Alma Indah</p> <p>Cadangan pembinaan trek jogging panjang trek tersebut 984 kaki dan lebar 4 kaki disepanjang kawasan lapang Taman Alma Indah dengan kos RM24,000.00. Majlis perasmian oleh Tuan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diadakan pada 21 April 2013.</p>

BIL	LOKASI	STATUS
9.	Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O., Bukit Mertajam, SPT	<p>Penaja – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd</p> <p>Majlis Pelancaran Projek ‘Corporate Social Responsibility’ (CSR) Taman Rekreasi Bukit PBAPP D.O, Bukit Mertajam oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang telah diadakan pada 4 Jun 2012. Kos RM1,147,326.12. Majlis Pecah Tanah telah dirasmikan oleh Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang pada 11 Januari 2013.</p> <p>Majlis Pembukaan Rasmi Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O., Bukit Mertajam, SPT telah diadakan pada 30 Julai 2013 dan dirasmikan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang.</p>
10.	Hadapan Kilang Professional Tools & Dies Sdn. Bhd.	<p>Penaja – Professional Tools & Dies Sdn. Bhd.</p> <p>Cadangan pengindahan di hadapan kilang Professional Tools & Dies Sdn. Bhd dengan kos RM25,000.00.</p> <p>Majlis Perasmian telah diadakan pada 18 Disember 2013 oleh Tuan YDP.</p>
11.	Kawasan lapang Taman Seri Bayu, SPS	<p>Penaja – Pejabat Kadun Jawi YB Soon Lip Chee</p> <p>Anggaran kos yang terlibat bagi cadangan pengindahan RM30,000.00. Perasmian tapak oleh YAB Tuan Lim Guan Eng pada 10 November 2013.</p>
12.	Anjung Bagan, Butterworth, SPU	<p>Penaja - Tah Wah Group</p> <p>Cadangan naiktaraf kerja-kerja pengindahan landskap di Anjung Bagan dengan kos RM250,000.00.</p> <p>Perasmian oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang pada 4 Januari 2014.</p>

Manakala terdapat 7 Projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut ;

BIL	LOKASI	STATUS
1.	Kawasan lapang Taman Terbilang, SPU	Penaja – Ananda Sri Bahwan Restaurant (M) Sdn. Bhd. Penyelenggaraan tanah lapang
2.	Vision Park, Bertam, SPU	Penaja – Bertam Properties Sdn. Bhd. Bertam Properties telah membuat kerja-kerja pengindahan / taman seluas 23 ekar dan siap pada September 2012. Kos landskap RM 1 juta. Dalam penyelenggaraan pemaju masih belum diserahkan kepada Majlis.
3.	Autocity, Juru, SPT	Penaja – Golden Highway Auto-City Sdn. Bhd. Cadangan pengindahan di Autocity Juru, SPT dengan kos RM25,000.00.
4.	Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara	Penaja – Tokong Ang San King Cadangan pengindahan landskap di tanah lapang Taman Bayu Mutiara dengan kos RM300,000.00
5.	Jalan Perindustrian Bukit Minyak 5, SPT	Penaja – Suan Leong Hang (M) Sdn. Bhd. Cadangan pengindahan di rezab jalan <i>Kelulusan Majlis Penuh bertarikh 27 Januari 2014 dengan bersyarat.</i>

BIL	LOKASI	STATUS
6.	Bulatan Tenggiri, Seberang Jaya, SPT	<p>Penaja – Sunway City (Penang) Sdn. Bhd.</p> <p>Cadangan pengindahan landskap di bulatan Tenggiri, Seberang Jaya, SPT dengan kos RM200,000.00.</p> <p><i>Tarikh mula kerja 15 Januari 2014. Tarikh dijangka siap 13 Mei 2014.</i></p>
7.	Taman Linear, SPT - Taman Tunku, Seberang Jaya	<p>Penaja – Malayan Sugar Manufacturing Co. Bhd.</p> <p>Kerja-kerja penyelenggaraan Taman Tunku 2 / 3 kali sebulan dari Januari 2013 hingga Disember 2013 disambung Januari 2014 hingga Disember 2014.</p>

Terdapat sebanyak 29 lokasi yang belum ditaja adalah iaitu :

- Pintu Masuk Bumbung Lima, SPU
- Pintu Masuk Kampung Selamat, SPU
- Pintu Masuk Ara Kuda, SPU
- Bandar Butterowrth, SPU
- Jalan Bagan Luar, SPU
- Taman Robina, Teluk Air Tawar SPU
- Pantai Kamloon, SPU
- Taman Rekreasi Padang Cempedak, SPU
- Bulatan Perusahaan Perai, SPT
- Bulatan Seberang Jaya, SPT

- Bulatan Bukit Minyak A, SPT
- Pintu Masuk Machang Bubuk, SPT
- Jalan Baru Perai, SPT
- Taman Bandar Ampang Jajar, SPT
- Taman Semilang, Seberang Jaya, SPT
- Taman Rimba Cherok To'kun, SPT
- Empangan Tasek Mengkuang, SPT
- Kolam Teratai, Taman Desa Damai. SPT
- Pintu Masik Permatang Keling, SPS
- Pintu Masuk Taman Sempadan, SPS
- Pintu Masuk Sg. Hilir Kecil / Jalan Kampung Besar, SPS
- Pintu Masuk Jalan Relau, SPS
- Pintu Masuk Jalan Tasek/ Junjung, SPS
- Taman Negeri Bukit Panchor, SPS
- Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, SPS
- Taman Rekreasi Sungai Sanglang, SPS
- Rizab jalan bermula dari pintu utama USM sehingga Ampang Jajar Kerian, SPS
- Pekan Nibong Tebal, SPS
- Tanah Lapang, Taman Bukit Panchor, SPS

Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk makluman, sebanyak RM217,550 juga telah dibelanjakan untuk menyediakan sebuah bas kaunter bergerak yang akan diterima pada 12 Mei

2014 dan sebuah tandas bergerak berjumlah RM88,900 yang akan diterima pada 21 April 2014.

Pengurusan

Prinsip asas Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) yang menjadi pegangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah menjadi penyumbang kepada kejayaan yang dikehendaki selama ini. Selain daripada menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi dan berkemahiran dalam tadbir urus dan pengurusan kewangan negeri yang cekap dan berhemat selama ini, Pulau Pinang kini turut menjadi pilihan para pelabur dan penggiat industri di peringkat global. Justeru, kita sebagai penjawat awam atau staff MPSP perlu lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas. Pemantauan perlu di buat di setiap peringkat di samping *feedback mechanisme* perlu wujud di jabatan / bahagian / unit. Kita perlu bekerja dalam satu pasukan dan tiada *silo mentality*.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Disini ingin saya sampaikan bahawa semua kakitangan tidak kira yang telah tetap atau masih kontrak jangan mengamalkan sikap tidak hadir kerja tanpa sebab yang munasabah. Ini kerana pihak Majlis boleh mengambil tindakan untuk menghentikan seseorang staff jika tidak hadir kerja.

Bagi staff yang berstatus kontrak, jika tidak hadir kerja tanpa sebab untuk berturut-turut 7 hari, MPSP boleh buang kerja. Begitu juga untuk staff yang telah tetap, jika anda tidak hadir kerja tanpa sebab bagi 3 hari berturut-turut, anda juga boleh dibuang kerja.

Bagi staf yang menjadikan sikap datang kerja 3 hari, kemudian tidak hadir kerja 2 hari sebagai satu kebiasanya (*habitual*), tindakan tatatertib juga akan diambil. Surat amaran, potong gaji akan dikenakan. Jika staf tersebut masih berdegil dan melakukan perkara yang sama, Ketua Jabatan telah diarahkan untuk membawa perkara ke Lembaga Displin untuk diambil tindakan yang lebih tegas.

Melalui Mesyuarat Pihak berkuasa Pelantikan Ke 13/2012 telah meluluskan Dasar Pembaharuan Tempoh Perkhidmatan Kontrak Kakitangan MPSP yang berkuatkuasa pada 1 September 2012. Kriteria yang dijadikan panduan bagi dasar ini adalah seperti:

- **Pembaharuan tempoh perkhidmatan kontrak bagi kakitangan yang perkhidmatan kontrak semasa adalah 1 atau 2 tahun:-**
 - Bagi kakitangan yang lewat maksimum 3 kali, maka kontrak dilanjut untuk setahun.
 - Untuk kakitangan yang lewat 4-12 kali, tempoh pembaharuan kontrak adalah hanya 3 bulan.

- Manakala untuk kakitangan yang lewat 13 kali dan keatas, kontrak mereka tidak akan dipertimbangkan untuk diperbaharui.
-
- **Pembaharuan tempoh perkhidmatan kontrak bagi kakitangan perkhidmatan kontrak semasa adalah 3 bulan:-**

- Untuk membolehkan kontrak kakitangan diperbaharui bagi tempoh setahun, rekod kehadiran tidak boleh lewat walaupun untuk sekali.
- Manakala bagi mereka yang lewat sekali dan keatas, kontrak mereka tidak akan diperbaharui.

Untuk makluman semua, pembaharuan perkhidmatan kontrak bagi tempoh 3 bulan hanya boleh dibuat sebanyak 2 kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan kontrak kakitangan tersebut. Kakitangan tersebut adalah tidak layak dilanjutkan tempoh kontraknya untuk kali ke-3 walaupun kakitangan tersebut tidak mempunyai rekod kehadiran lewat dalam tempoh kontrak untuk 3 bulan terakhir tersebut.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua kakitangan yang berstatus kontrak untuk menjaga rekod kehadiran dan menunjukkan prestasi yang baik supaya dapat diperakukan untuk mendapat jawatan tetap di MPSP.

Para pegawai yang berstatus tetap, jangan lalai menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Tindakan tatatertib juga akan diambil bagi pegawai yang tidak menjalankan tugas dengan baik.

Bagi staff yang menjalankan tugas yang baik, ganjaran seperti APC, kursus dalam dan luar negara, pingat dan lain-lain akan diberikan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk makluman pada 21 Mac 2014 yang lalu, Pegawai MPC telah mengadakan lawatan Audit 5S bersama Jawatankuasa Audit Dalaman 5S MPSP. Kesimpulannya, banyak penambahbaikan yang masih perlu dibuat oleh MPSP di mana **Sisih** perlu dibuat dari semasa ke semasa, **Sapu** perlu dibuat penambahbaikan dan **Seragam** sangat kritikal dari segi *Label, Tagging* dan susunan. Ini menunjukkan **Sentiasa Amal** tidak diamalkan di MPSP. Hasil daripada lawatan ini, Panel Penilai MPC telah memberi anggaran kasar markah untuk MPSP sebanyak 50%. Untuk membolehkan MPSP mendapat pensijilan 5S **Susun, Seragam** dan **Sentiasa Amal** perlu ditambahbaik secara drastik di MPSP. Bagi mendapat Star Rating yang tinggi, MPSP perlu mendapatkan Persijilan 5S. Justeru, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan untuk melaksanakan 5S ini bagi mendapat pensijilan tersebut yang dicadangkan pada bulan September 2014. Pelaksanaannya akan dapat membantu MPSP

meningkatkan sistem penyampaian apabila penyusunan dan penyeragaman fail atau rekod diamalkan.

Aktiviti MPSP

Di sini saya menyeru supaya semua kakitangan turut serta di dalam sebarang aktiviti sihat kecergasan yang dianjurkan oleh pihak Majlis sama ada Senamrobik Bersama MPSP yang diadakan 3 kali sebulan di Taman Tunku, Seberang Jaya, Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan dan Taman Berjaya, Nibong Tebal. Pada tahun ini juga, MPSP akan mengadakan *MPSP Tower Run* pada 24 Ogos 2014 dan *MPSP Green Run* dijadualkan pada November 2014.

Bagi meningkatkan pembangunan kapasiti, pelbagai seminar / latihan / program dalam negara dan luar negara diadakan untuk semua warga MPSP. Dimaklumkan pada tahun 2013, sebanyak 99.97 % kakitangan telah menghadiri kursus dalaman lebih daripada 7 hari seperti yang disyaratkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2005 Dasar Sumber Manusia Sektor Awam. Selain itu, MPSP juga telah menghantar kakitangan MPSP menghadiri sebanyak 10 seminar / latihan di luar negara pada tahun 2013.

Bagi membawa MPSP ke arah antarabangsa, MPSP telah menjadi Ahli Wego dan Ahli CityNet. Disamping itu, MPSP juga dalam proses menyediakan dokumen untuk memohon menjadi Ahli ICLEI (*International Council for Local Environmental Initiatives*). Tambahan lagi, MPSP telahpun menjalinkan hubungan dengan bandaraya seperti Fremantle, Gwangju dan Yokohama untuk saling bertukar maklumat dan mempelajari *best practices* mereka yang boleh dilaksanakan di MPSP.

Beberapa hari yang lalu, kita baru sahaja menerima surat daripada Datuk Bandar Fremantle yang meluahkan hasrat untuk mengadakan program bersama dengan MPSP. Untuk makluman umum semua, MPSP juga dalam perancangan untuk menandatangani satu memorandum persahabatan dengan Bandaraya Yokohama pada bulan September 2014.

Pada bulan Mei 2014, dua pegawai MPSP akan dihantar untuk menghadiri latihan Wego E-Government. Ini memberi peluang kepada pegawai kita untuk mempelajari best practices yang boleh dilaksanakan di MPSP dan pada bulan yang sama juga, saya akan menghadiri *Human Rights Cities Forum* di Gwangju untuk membentangkan satu tajuk *How to become a human rights city? Human Rights municipal strategic planning and implementation*.

Saya juga telah dijemput untuk untuk “Cover Story” bagi Gwangju News pada bulan Mei ini.

Pada bulan April ini juga, pegawai MPSP akan dihantar ke Singapura bagi menghadiri Seminar Big Data Cities Summit dan bulan Jun untuk menghadiri World Cities Summit 2014 di Singapura juga. Semua perbelanjaan dibiayai oleh pihak penganjur.

Dengan pendedahan ini, saya berharap staf MPSP akan lebih maju dan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan yang disampaikan kepada penduduk Seberang Perai.

Penguatkuasaan dan Pengurusan Aduan

Bagi memantapkan lagi perkhidmatan MPSP, kita perlu melakukan penguatkuasaan yang berhemah. Aduan-aduan yang diterima samaada dari panggilan telefon, email, MPSP Watch, Facebook, Better Apps, Ahli Majlis, melalui Yang Berhormat atau aduan-aduan yang disalurkan terus kepada saya dan Tuan Setiausaha Perbandaran haruslah dijawab dengan tepat dan cepat.

Aduan yang diterima oleh pihak Majlis perlu disalurkan kepada jabatan berkaitan dalam tempoh sehari. Pengadu pula akan dimaklumkan akuan penerimaan dalam tempoh 3 hari dan maklumbalas terhadap tindakan perlu dikemukakan kepada pengadu dalam tempoh 5 hari. MPSP mempunyai sebuah sistem yang

boleh dibanggakan iaitu Smart Monitoring System tetapi tidak dipantau sepenuhnya oleh warga kerja MPSP. Sistem ini banyak membantu dan dapat menjimatkan masa sekiranya semua pegawai dapat menggunakan sistem pemantauan ini dengan sepenuhnya. Pada tahun ini MPSP akan menyertai penganugerah peringkat persekutuan untuk Smart Monitoring System.

Kerahsiaan pengadu adalah menjadi tanggungjawab semua pegawai MPSP samaada yang menjaga aduan di jabatan ataupun di lapangan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua kakitangan MPSP dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Kekalkan semangat bekerja berpasukan dan terus bersatu hati mempamerkan kecemerlangan prestasi kerja MPSP. Semoga tahun 2014 memberi sinar baru kepada MPSP dan bergerak lebih maju ke hadapan.

Sekian.

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.